



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 10 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	TINGKATKAN NELAYAN BUMIPUTERA DI LAUT DALAM, DALAM NEGERI, UM -9 MAFS MINISTER: FISHERMEN RESETTLEMENT PROJECT TO BE CARRIED OUT NATIONWIDE, NEWS, GUANG MING DAILY -A9 MAT SABU: FISHERMEN NATIONWIDE TO BE RESETTLED, NATION, SIN CHEW DAILY -14 MORE FISHERMEN HOUSING TO BE BUILT NATIONWIDE, NEWS, CHINA PRESS -MELAKA -C4 FLOOD: MINISTRY ASSESSING DAMAGE, LOSSES IN AGRICULTURE, LIVESTOCK SECTORS, NEWS, TAMIL MALAR -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
6. 7.	MAQIS RAMPAS 332kg CACING TANAH HIDUP, NASIONAL, SH -15 MAQIS RAMPAS 332kg CACING TANAH HIDUP, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	TANGANI ISU HAIWAN TERNAKAN BERKELIARAN, SUARA SINAR, SH -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
9. 10.	SEGERAKAN PROJEK RUMAH NELAYAN, NASIONAL, BH -15 DON'T SELL HOMES FOR FAST CASH, FISHERMEN ADVISED, NEWS, NST -8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11. 12. 13. 14.	GENERATING RM200,000 FROM SALE of PINEAPPLES, NATION, THE STAR -13 UITM TARGETS RM200,000 REVENUE FROM PINEAPPLE SALES, NEWS, THE SUN -3 UITM MACHANG MAHU CAPAI JUALAN NANAS MD2, SULUR RM200k, LOKAL, HM -12 UITM USAHAKAN TANAMAN NANAS MD2, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
15. 16. 17. 18. 19.	TANAM SAYUR DAPAT RM400,000 SEBULAN, NEGARA, KOSMO -16 AKUAKULTUR PERLU DIPERKASA, SUPPLEMENT, UM -24 PERMIT KUTIPAN SIPUT RETAK SERIBU BOLEH DIKELUAR JIKA TIADA BANTAHAN, DALAM NEGERI, UM -31 323 HEKTAR TANAH DIBANGUN PROJEK TANAMAN FERTIGASI, NASIONAL, BH JURUFOTO BUKA KEBUN ANGGUR PERTAMA DI KELANTAN, NASIONAL, SH -23	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Tingkatkan nelayan bumiputera di laut dalam

ALOR GAJAH: Peningkatan penglibatan nelayan bumiputera dalam aktiviti tangkapan hasil di laut dalam menjadi antara sasaran kerajaan melalui Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan bersejua meningkatkan jumlah PSN bagi menyediakan prasarana asas yang lebih selesa, sekali gus membantu meningkatkan produktiviti kelompok berkenaan.

Ujarnya, usaha tersebut dapat membantu negara menjamin keterjaminan makanan daripada aspek sumber perikanan.

Jelasnya, buat masa ini hampir 80 peratus daripada peraih hasil laut merupakan nelayan pantai manakala bakinya adalah usahawan atau penternak akuakultur.

"Selain kediaman PSN ini, kita juga akan meningkatkan jumlah projek infrastruktur lain berkaitan aktiviti perikanan termasuklah pembinaan jeti pendaratan, pancang bot, balai nelayan, wakaf, slip-way, stor enjin dan lain-lain kemudahan.

"Dengan pembinaan rumah PSN ini, kita harap para nelayan akan jadi lebih aktif dan kalau boleh mampu menjadi peraih di laut dalam.

"Itu harapan kita, sebab sekarang ini banyaknya nelayan pantai dan akuakultur ini salah satu perkara yang mahu diperbesarkan menjadi 60 peratus di laut dan 40 peratus akuakultur," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penyerahan Rumah Nelayan di Perkampungan Nelayan, Kuala Sungai Baru Ilir di sini, semalam.

Tambah Mohamad, sebanyak 1,772 rumah nelayan dibina di 13 lokasi di seluruh negara termasuk di Kedah, Pahang, Terengganu dan Perak.

Headline	MAFS Minister: Fishermen Resettlement Project to be carried out nationwide		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	10 Mar 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A9	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	259 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,901
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,703



農長：鼓勵深海捕魚水產養殖 全國續推重新安頓漁民

（馬六甲9日訊）農業及食品部長拿督斯里莫哈末沙布說，政府將于全國展開更多重新安頓漁民計劃，有關計劃將有助於鼓勵土著漁民到深海進行捕魚，增加深海魚的漁獲，確保食物供應充足。

他說，該部也希望漁民能够投入水产养殖领域，于海边养殖鱼获取收入。

莫哈末沙布今日于瓜拉双溪峇汝移交“重新安頓漁民計劃”房屋予漁民后在記者會上說，截至目前，重新安頓漁民計劃已在全國13個地方興建1772所漁民房屋，包括吉打、彭亨、登嘉樓、馬六甲及霹靂。

他稱，此計劃在馬六甲興建了60所半獨立式單位，占地5.6公頃，相關房屋市價為7萬令

吉，如今在獲得津貼補助下，漁民能够以4萬5000令吉購買有關房屋。

“該部將繼續于各州政府合作，提供更多地段，用于實行重新安頓漁民計劃，讓漁民與家庭享有更好及舒適的生活。”

針對我國早前面對蛋荒問題，莫哈末沙布說，大家都知道，我國早前受到冠病疫情影響，進入行動管制令，同時也導致農場員工短缺，造成後來疫情趨緩，市場逐漸恢復運作，農業產品面臨供不應求的問題。

他指出，我國早前面臨蛋荒問題，當時已通過進口雞蛋，改善國內雞蛋供應短缺的問題，如今，市場上的雞蛋供應已逐漸回穩。“進口雞蛋的合約將在今年5月至6月屆滿，我們也不

打算繼續依賴進口雞蛋。”

莫哈末沙布說，隨着國內雞蛋供應逐漸恢復，如今，不僅要確保國內雞蛋的供應充足且要有額外的產量，沒有考慮繼續進口，而是放眼出口雞蛋，該部也與雞蛋供應商進行對話，而供應商也答應盡快使雞蛋供應充足。

他提到，在過去疫情期間，政府于農業稅收減少，其中務農業者也面臨外勞短缺的問題，因此當務之急必須加速引入外勞及漂白非法外勞的程序。

出席者包括甲工業、投資及企業發展事務委



■漁民們接領模範新居后與出席嘉賓合影。

員會主席拿督斯里阿都拉勿夫、甲郊區發展、農業、農基工業事務委員會主席拿督阿都拉薩。（TSI）

Headline	Mat Sabu: Fishermen nationwide to be resettled		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	10 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	14	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	301 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,121
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,364



莫哈末沙布（左二）移交模拟钥匙予郑福才。左一是阿都拉萨；右一是阿都拉勿夫。（尤伽荣摄）

末沙布：提升漁獲產量 重新安頓全國漁民

（马六甲9日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布表示，政府将于全国展开更多重新安顿渔民计划，以提升渔民的渔获产量，确保食物供应充足。

“有关计划将有助于鼓励土著渔民到深海捕鱼，增加深海鱼的渔获。我们也希望渔民能够投入水产养殖领域，于海边养鱼。”

他是今日于瓜拉双溪峇汝移交“重新安顿渔民计划”房屋予渔民后在新闻发布上说，截至目前，重新安顿渔民计划已在全国13个地方兴建1772间渔民房屋，包括吉打、彭亨、登嘉楼、马六甲及霹靂。

13地兴建1772渔民房屋

“此计划在马六甲兴建了60间半独立式单位，占地5.6公顷，相关房屋市价为7万令吉，如今在获得津贴补助下，渔民能够以4万5000令吉购置有关房屋。”

他说，该部将继续与各州政府合作，提供更多地段，用于实行重新安顿渔民计划，让渔民与家庭享有更好及舒适的生活。

合约届满后不再进口鸡蛋

针对我国早前面对蛋荒问题，莫哈末沙布表示，大家都知道，我国早前受到冠病疫情影响，进入行动管制令，同时也导致农场员工短缺，后来疫情趋缓，市场逐渐恢复运作，农业产品却面临供不应求的问题。

“我国早前面临蛋荒，当时已通过进口鸡蛋，改善国内鸡蛋供应短缺的问题。如今，市场上的鸡蛋供应已逐渐回稳。进口鸡蛋的合约将在今年5至6月届满，我们也不打算继续依赖进口鸡蛋。”

他说，随着国内鸡蛋供应逐渐恢复，如今，不仅要确保国内鸡蛋的供应充足且要有额外的产量出口，该部也与鸡蛋供应商进行对话，供应商也答应尽快让供应充足。



甲州重新安顿渔民计划兴建60间半独立式单位。（尤伽荣摄）

Headline	Flood: Ministry assessing damage, losses in agriculture, livestock sectors		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	10 Mar 2023	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	6	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 935
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,806



விவசாயம், உணவுப் பாதுகாப்பு அமைச்சகம் வெள்ளத்தால் ஏற்பட்ட இழப்புகளை மதிப்பீடு செய்யும்

போர்ட்டிக்சன், மார்ச். 10—
விவசாயம் மற்றும்

உணவுப் பாதுகாப்பு
அமைச்சகம் (கேபிகேஎம்)
தற்போது வெள்ளத்தால்
பாதிக்கப்பட்ட விவசாயம்
மற்றும் கால்நடை துறையின்
குறிப்பாக ஜொகூரில்
ஏற்பட்ட சேதம் மற்றும்
மொத்த இழப்புகளை
மதிப்பீடு செய்து வருகிறது.

அதன் துணை அமைச்சர்
சான் ஃபூங் ஹின், மதிப்பீட்டு
செயல்முறைக்குப் பிறகு
பாதிக்கப்பட்ட அனைத்து
விவசாயிகள் மற்றும்
பண்ணையாளர்கள் உரிய
உதவிகள் பெறுவதை உறுதி
செய்வதாகக் கூறினார்.

“தற்போது, அமைச்சகம்



(கேபிகேஎம்) பல்வேறு
ஏஜென்சிகள் மூலம்,
பாதிக்கப்பட்டவர்களின்
எண்ணிக்கையைப் பெற்று
கொண்டிருக்கிறது.
எண்ணிக்கையைக்
கண்டறிந்தால் தான்
எவ்வளவு இழப்பீடு
வழங்க இயலும் என்பதை
தீர்மானிக்க முடியும் என்றார்.

“இதுவரை உண்மையான
இழப்பு எவ்வளவு என்று
அறியப்படவில்லை.
மேலும், வெள்ளமும்
இன்னும் முழுமையாகக்
குறையவில்லை.

விரிவான தகவல்களைப்
பெறும் வரை நாங்கள்
கருத்து தெரிவிக்க
முடியாது,” என்றார் அவர்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	15

Maqis rampas 332kg cacing tanah hidup

Dibawa masuk dari Indonesia tanpa permit import

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas 332 kilogram (kg) cacing tanah hidup yang dibawa masuk ke negara ini tanpa permit import sah.

Maqis memaklumkan, cacing tanah hidup yang dibawa dari Indonesia itu ditahan di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Senai pada jam 3 petang Rabu.

Menurutnya, hasil pemeriksaan dijalankan, pegawai penguasa Maqis menemukan 25 kotak yang berisi cacing tanah, dianggarkan bernilai RM10,300.

"Pihak pengimport didapati gagal mengemukakan permit import Maqis yang sah sebagaimana dinyatakan dalam syarat import," kata jabatan itu dalam satu kenyataan pada Khamis.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



Pegawai Maqis memeriksa cacing tanah hidup yang dirampas di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, pada Rabu.



Cacing tanah hidup yang dirampas oleh Maqis.

10/3/2023

KOSMO

NEGARA

16

Usahakan 12 hektar kebun di Tanah Tinggi Lojing

Tanam sayur dapat RM400,000 sebulan

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Bermula dengan berkebun di kawasan tanah terbiar di halaman rumah, seorang pemuda berjaya mengusahakan ladang sayur sebas 12 hektar di Tanah Tinggi Lojing di sini sejak tujuh tahun lalu.

Chung Chia Khang, 28, atau mesra dengan panggilan Ah Kai memulakan lebih 100,000 tanaman seperti kubis, jagung, tomat, daun sup, daun bawang, ketumbar, lobak putih, kacang dan buah tembikai wangi.

Jelasnya, selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ibunya, Suzie Chua, 57, telah mendafat tar namanya untuk menyertai kursus pertanian arjuran Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda).


Katanya, pada peringkat awal, dia hanya mengusahakan 1000 polibeg lada solok di halaman rumahnya di Kampung Keroh, Kuala Krai dekat sini.

"Saya bermula secara kecil-kecilan dan bersyukur apabila mendapat bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) daripada Risda sebanyak RM10,000 untuk mengembangkan kawasan pertanian.

"Berkat kegigihan berbakti kepada tanah, memberikan pulangan lumayan sehingga RM400,000 dalam sebulan," katanya ketika ditemui di ladangnya di Tanah Tinggi Lojing di sini semalam.

Ah Kai menambah, sayur-sayuran yang ditanam menggunakan kaedah fertisasi menggunakan berpertenasi untuk dikomersialkan dan memberi pulangan lumayan termasuklah untuk eksport ke negara luar.

Katanya, ketika ini, dia berjaya



CHIA KHANG menunjukkan kubis yang ditanam di ladang di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang semalam.

menjual hasil sayur-sayuran 40 hingga 70 tan sebulan.

"Harga pasaran sayur-sayuran untuk tahun ini baik apabila meningkat lebih 50 peratus berbanding setahun atau dua tahun lepas.

"Sayur-sayuran di ladang ini akan dihantar kepada pemborong di Kampung Raja Cameron Highlands sebelum dieksport ke Singapura," katanya.

Menurutnya, ketika ini juga sebanyak 40,000 kubis yang diusahakan di tanah 1.2 hektar juga telah mengeluarkan hasil.

Katanya, dia berjaya menjual hasil kubis hampir satu tan setiap hari.

"Anak muda mempunyai banyak peluang jika ada motivasi dalam diri kerana bidang pertanian kini adalah satu perniagaan dan kerjaya yang baik.

"Selain ingin meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara, saya juga sentiasa terbuka untuk memberi tujah ajar kepada anak muda lain untuk terlibat dalam bidang pertanian ini kerana ia juga memberi masa depan cerah," jelasnya.



ANGGOTA penguat kuasa Maqis merampas kotak yang mengandungi cacing tanah hidup dari Indonesia di Kompleks Kargo, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Kulai kelmarin.

Maqis rampas 332 kg cacing tanah hidup

SENAI – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas konsaliran yang membawa masuk cacing tanah hidup dari Indonesia bernilai RM10,300 di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, di sini kelmarin.

Maqis Johor dalam satu kenyataan berkata, pemeriksaan lanjut yang dijalankan oleh Pegawai Penguasa Maqis pada 3 petang semalam telah menemui sebanyak 25 kotak dengan berat anggaran 332 kilogram (kg).

"Pemeriksaan yang dijalankan berjaya mengesan 25 kotak yang mengandungi cacing tanah hidup dari Indonesia.

"Hasil pemeriksaan mendapati pihak pengimport gagal mengemukakan permit import Maqis yang sah sebagaimana yang dinyatakan di dalam syarat import dan telah ditanam untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam kenyataan yang sama memberitahu, pihak Maqis sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang masuk ke dalam negara.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akt 728] yang boleh didenda di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Tambahan, pengimport perlu mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan seterusnya mematuhi tindakan biosekuriti makanan negara sentiasa terkawal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2023	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

Tangani isu haiwan ternakan berkeliaran



ANALISIS
MUKA 16

NOOR AINON
MOHAMED YUSOF

Setiap kali memandu di Jalan Ipoh-Lumut atau Jalan Bemban, Batu Gajah, Perak, penulis perlu berhati-hati terutama pada waktu malam.

Penulis pasti akan memperlahankan kenderaan kerana ada sahaja 'lembaga berkaki empat' yang akan mengganggu perjalanan. Lembaga yang penulis maksudkan ialah haiwan ternakan iaitu kerbau dan lembu yang dibiarkan berkeliaran oleh pemiliknya. Biasanya berkeliaran di jalan raya.

Kejadian jam 1 pagi dua tahun lalu masih segar dalam ingatan penulis. Masih trauma dan menimbulkan panik jika terserempak dengan 'lembaga' tersebut.

Kerana seekor kerbau yang dibiarkan berkeliaran di jalan raya, penulis mengalami kerugian ribuan ringgit.

Bahagian bonet kereta remuk teruk akibat terlanggar haiwan tersebut. Sudah jatuh ditimpa tangga, penulis yang ketika itu bersendirian terpaksa pula menunggu trak penunda hampir dua jam dalam kegelapan malam kerana lokasi kejadian tidak mempunyai lampu jalan. Itu kisah penulis.

Dalam kejadian berasingan pada 23 Februari lalu di Pasir Puteh, Kelantan, seorang wanita dilaporkan parah apabila kereta dinaiki bersama suami dan tiga anaknya, merempuh seekor kerbau sehinggakan haiwan itu 'melekat' di bumbung kereta mereka.

Insiden seumpama itu turut mengorbankan seorang pelajar lelaki Tingkatan Empat selepas motosikal ditunggangnya merempuh seekor

kerbau di Dengkil, Selangor pada 7 Januari lalu.

Isu haiwan ternakan yang dibiarkan tanpa pengawasan bukanlah isu baharu, malah ia juga menjadi salah satu punca kemalangan jalan raya. Kejadian tersebut boleh dielakkan jika pemilik ternakan lebih bertanggungjawab.

Sikap lepas tangan pemilik haiwan menyebabkan nyawa pengguna jalan raya menjadi taruhan. Walaupun bertuan, jangan hairan jika berlaku kemalangan disebabkan haiwan ternakan, tuannya tidak akan mengaku haiwan tersebut milik mereka, sebaliknya jika haiwan ternakan dicuri atau diracun, berani pula tampil membuat laporan polis.

Punca haiwan ternakan berkeliaran kerana dikatakan penternak tidak mempunyai kawasan ragutan atau sumber makanan mencukupi, selain tidak mempunyai kandang ternakan sesuai, sedangkan ia kriteria yang ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) kepada penternak.

Dalam hal ini, pihak berkuasa tempatan (PBT), antara agensi yang aktif menangani isu tersebut, sama ada dari segi penguatkuasaan mahupun bantuan awal kepada penternak.

Salah satu PBT di Perak ada menawarkan sebuah kawasan ragutan dan kandang kepada pemilik haiwan sebagai usaha menangani isu tersebut, namun cabaran yang dihadapi mereka adalah tidak mendapat kerjasama sepenuhnya dengan alasan kawasan disediakan terlalu jauh.

Kompaun yang dikenakan antara RM500 hingga RM2,000 dilihat tidak lagi menggentarkan penternak, apatah lagi haiwan ternakan tidak mempunyai penanda (*tagging*) hingga menyukarkan usaha mengesan pemiliknya untuk diambil tindakan.

Tahun lalu, kerajaan Perak telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani haiwan ternakan

berkeliaran. Jawatankuasa itu antara lain berperanan mencari kaedah bagi mengatasi masalah utama – mengenal pasti pemilik sebenar haiwan ternakan.

Penternak yang membiarkan haiwan ternakan berkeliaran boleh didakwa di bawah Enakmen Kawalan Kerbau Lembu 2001. Sekiranya berlaku kemalangan melibatkan haiwan ternakan, polis boleh mengambil tindakan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Seksyen 289 Kanun Keseksaan kerana cuai. Jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga enam bulan atau denda RM2,000 atau kedua-duanya.

Malah, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) boleh ambil tindakan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau 2014. Sudah sampai masanya tindakan tegas diambil ke atas penternak. Beberapa cadangan boleh dipertimbangkan, antaranya melakukan tangkapan sekiranya haiwan berkeliaran di kawasan awam.

Penangkapan hendaklah dilakukan oleh pihak berkuasa dan bukan orang awam bagi mengelak implikasi undang-undang. Selain itu, JPV perlu lebih agresif membuat penandaan ke atas lembu, kerbau dan kambing yang diternak untuk kawalan berkesan.

Mungkin agak sukar untuk dilaksanakan bagi mewajibkan pendaftaran, namun jika mendapat kerjasama daripada semua pihak terutama di peringkat kampung, pasti dapat membantu melancarkan perkara tersebut.

Kecuaian pemilik haiwan wajar dihukum dengan undang-undang yang ada. Namun, kunci utamanya kembali kepada tanggungjawab penternak demi keselamatan pengguna jalan raya serta ketenteraman awam.

* Noor Ainon Mohamed Yusof ialah wartawan Sinar Harian Perak.

Headline	Akuakultur perlu diperkasa		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	24	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	471 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,260
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,780



MAJLIS perasmian MoU perkasa industri akuakultur di Pahang baru-baru ini.

Akuakultur perlu diperkasa

ISU keterjaminan makanan merupakan antara agenda yang menjadi keutamaan kerajaan ketika ini.

Dalam menyokong agenda berkenaan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS) UPM menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Serandu Aquaponic System Sdn. Bhd. (SAS) bagi meningkatkan perkembangan dan penyelidikan memperkasakan lagi industri akuakultur di Pahang.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Roslan Sulaiman berkata, MoU itu membolehkan penyelidikan dan pembangunan inovasi di antara penyelidik di I-AQUAS UPM bersama pihak SAS dapat ditambah baik menerusi aktiviti ternakan ketam renjong di dalam kolam HDPE lining. "Aktiviti pemantauan dan kawalan penyakit udang putih (*Penaeus vannamei*) di kolam ternakan SAS juga akan dilakukan oleh I-AQUAS UPM bahkan memberi khidmat nasihat penternakan rumpai laut, latok untuk tujuan kultur secara ekstensif.

"Kerjasama ini turut melibatkan penghasilan makanan akuakultur,



Kerjasama ini turut melibatkan penghasilan makanan akuakultur, pemantauan sistem ternakan secara IOT dan kerjasama yang akan dipersetujui kedua-dua belah pihak."

pemantauan sistem ternakan secara IOT dan kerjasama yang akan dipersetujui kedua-dua belah pihak," katanya.

Dalam pada itu, I-AQUAS UPM turut menyumbangkan kira-kira 22,000 ekor ketam renjong, ketam bunga (spesies *Portunus pelagicus*) bagi percubaan ternakan atau projek rintis di Serandu.

Menurut Penyelidik Projek, Prof. Madya Dr. Murni Marlina Abd Karim, ketam renjong ini digunakan sebagai

projek rintis penyelidikan dan menambah lebih lagi pengeluaran hasil ternakan laut untuk dipasarkan kelak.

"Di I-AQUAS UPM, kita sudah berjaya membuat pembenihan ketam renjong dan mendapat kerjasama dengan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) untuk membuat pelepasan ketam apabila terdapat permintaan daripada DOF.

"Sebelum ini ketam memang duduk di kolam tanah tetapi belum ada penyelidikan ketam renjong boleh hidup atau tidak dalam kolam HDPE lining, jadi kita hendak melihat potensi ini.

"Sekiranya penyelidikan ini menjadi kita akan pasarkan lagi benih ketam di peringkat lebih tinggi," katanya.



KETAM BUNGA

10/3/2023

SINAR
HARIAN

NASIONAL

15

Segerakan projek rumah nelayan

Masjid Tanah: Kerajaan mahu melaksanakan program Penempatan Semula Nelayan (PSN) di seluruh negara disegerakan, manakala nelayan yang sudah memperoleh rumah diingatkan tidak menjualnya demi keuntungan segera.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kebanyakan projek perumahan nelayan melalui PSN yang tergendala dua tahun akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 2020, sudah siap menjelang akhir tahun lalu.

Bagaimanapun, beliau yang enggan menjelaskan jumlah PSN yang belum siap itu berkata, bagi projek yang tergendala, pihaknya melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedia bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah dan memastikan ia mampu disiapkan bagi memenuhi keperluan nelayan.

"Setakat ini, kira-kira 2,000 unit rumah melalui PSN sudah disiapkan akhir tahun lalu dan jika ada yang masih dalam pembinaan berikutan masalah PKP, ia harus disegerakan.

"Walaupun ada yang tergendala (projek PSN), kita berusaha menyiapkannya dengan sokongan Agro Bank yang memberikan pinjaman dengan kadar faedah 3.5 peratus dan nelayan hanya perlu membayar kira-kira RM250 sebulan.

"Rumah nelayan dijual pada



Mohamad menyerahkan replika kunci rumah kepada nelayan di Kuala Sungai Baru Ilir, dekat Masjid Tanah, semalam. (Foto Hasan Omar/BH)

harga RM45,000 seunit berbanding rumah sama di pasaran yang bernilai lebih RM100,000, jadi kita nasihat mereka jangan jual hanya untuk dapatkan keuntungan segera tetapi untuk mendapatkan semula rumah dengan harga seperti itu, memang sukar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyerahkan replika kunci rumah kepada nelayan yang dipilih penerima rumah separuh berkembar bernilai RM45,000 seunit di bawah PSN Melaka di Kuala Sungai Baru Ilir, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kanan Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Ko-

operasi dan Usahawan negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman.

Seramai 60 nelayan menerima replika kunci rumah masing-masing yang mula dibina pada 2014 di kawasan seluas 5.54 hektar tetapi tergendala sebelum disiapkan sepenuhnya pada Disember tahun lalu.

Mohamad berkata, pihaknya menggalakkan lebih ramai nelayan Bumiputera menceburi penangkapan ikan laut dalam dan akuakultur bagi meningkatkan pendaratan ikan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2023	NST	NEWS	8

RESETTLEMENT PROJECT

Don't sell homes for fast cash, fishermen advised

ALOR GAJAH: People who receive Fishermen Resettlement Project homes have been advised not to sell them for short-term profit.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said fishermen should take good care of the homes they receive under the project as properties that cost only RM50,000 were hard to come by.

"If you sell them, you may get an immediate profit. But if you want to find a new house now, especially in Melaka, it will be quite expensive.

"You won't get a semi-detached house like this for RM50,000," he said after a ceremony to hand-over house keys to recipients of Fishermen Resettlement Project homes in Sungai Ilir, Kuala Sungai Baru, yesterday.

The Fishermen Resettlement Project is a federal government initiative implemented by the ministry and Fisheries Development Board in collaboration with the state government to build set-



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (second from left) handing over a mock house key to a fisherman in Alor Gajah yesterday.

BERNAMA PIC

tlements for fishermen.

The project began in 2014 and will benefit some 60 eligible fishermen in Melaka. They were expected to move into their new homes before Hari Raya Aidilfitri.

Mohamad said the ministry, through the board, would implement more infrastructure projects to help fishermen.

"This includes the construction

of a fish landing jetty, a boat jetty, a fishing station, a waqf and a machinery storage.

"This plan has two aspects — upgrading and building jetties, which will benefit 1,240 fishermen in Melaka registered under the Fisheries Department.

"We hope the infrastructure will help fishermen become more productive." **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2023	THE SUN	NATION	13

Generating RM200,000 from sale of pineapples

MACHANG: Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan branch aims to generate up to RM200,000 in revenue this year from the sale of MD2 pineapples and slips that it grows on a 1.6ha land in Bukit Tiu here.

Its agrobusiness unit coordinator, Hadhifah Fadhlina Ismail, is optimistic about meeting the target because harvesting for the project, which began in April 2021, began last month.

"The proceeds from the sale will be used to expand the area for MD2 pineapple cultivation because we received high demand not only from UiTM but also from government agencies and local residents.

"I'm confident that this project will open up opportunities for students to become young agropreneurs and give surrounding residents a chance to work on this farm on a contract basis," she told reporters yesterday, Bernama reported.

Hadhifah said the unit also provides various training to students and local communities interested in agriculture, such as technical training in pineapple cultivation, crop management, entrepreneurship and digital marketing.

"The Malaysian Pineapple Industry Board helped us a lot with this project. It also contributed 40,000 MD2 pineapple seeds.

"We will use this opportunity to prove that UiTM Machang is capable of achieving success despite not specialising in the field of plantations," she said.

A worker Zuraiddi Hamzah showing a pineapple of the MD2 variety. -BERNAMAPIC



UiTM targets RM200,000 revenue from pineapple sales

MACHANG: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan branch aims to generate up to RM200,000 in revenue this year from the sale of MD2 pineapples and slips that it grows on a 1.6ha land in Bukit Tiu here. Slips are side-shoots with large crowns that grow from buds on pineapples.

UiTM Kelantan agrobusiness unit coordinator Hadhifah Fadhlina Ismail was optimistic about reaching the target as the yield for the project, which started in April 2021, has begun to be harvested in February.

"I'm confident that the project

will open opportunities for students to become young agropreneurs and give surrounding residents a chance to work on the farm on a contract basis," she said when met at the UiTM Machang campus here yesterday.

Hadhifah Fadhlina said the Malaysian Pineapple Industry Board helped with the project, including contributing 40,000 MD2 pineapple seeds.

"We will prove that UiTM Machang is capable of achieving success despite not having a specialisation in the field of plantations," she said. - Bernama

10/3/2023

HARIAN

LOKAL

12

METRO

UiTM Machang mahu capai jualan nanas MD2, sulur RM200k



Projek ini bukan sahaja beri peluang kepada mahasiswa jadi agropreneur muda, malah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk

Hadhifah Fadhlina



muda, malah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk untuk bekerja secara kontrak di ladang nanas ini," katanya di UiTM Machang di sini.

Mengulas lanjut, Hadhifah Fadhlina berkata, pelbagai

latihan turut disediakan kepada pelajar dan masyarakat yang berminat dalam bidang pertanian ini seperti latihan teknikal dalam penanaman nanas, pengurusan tanaman, keusahawanan dan pemasaran digital.

"Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) banyak membantu kami menguruskan tanaman ini kerana turut memberi sumbangan 40,000 sulur benih varieti MD2.

"Kami menggunakan peluang diberikan ini sebaik mungkin, sekali gus membuktikan UiTM Machang mampu mencapai kejayaan meskipun tidak mempunyai pengkhususan dalam bidang perladangan," katanya.



PEKERJA kontrak ladang UiTM Cawangan Kelantan Zuraidi Hamzah menunjukkan nanas varieti MD2 yang ranum dan sedia dituai. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Machang: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan menyasarkan hasil jualan nanas MD2 dan sulur dengan keluasan melebihi 1.6 hektar yang diusahakan di Bukit Tiut di sini, mampu mencecah hampir RM200,000 tahun ini.

Penyelaras Unit Agribisnes UiTM Kelantan, Hadhifah Fadhlina Ismail berkata, sasaran itu mungkin dapat dicapai, berikutan projek yang bermula sejak April 2021 itu mula dituai pada Februari lalu.

"Hasil jualan ini, kami tambah lagi keluasan tanah bagi penanaman nanas MD2 kerana dari segi pemasaran, kita mendapat permintaan tinggi bukan sahaja di UiTM

bahkan daripada agensi kerajaan dan penduduk.

"Saya yakin apabila projek penanaman membuahkan hasil, ia bukan sahaja memberi peluang kepada mahasiswa menjadi agropreneur

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



HADHIFAH Fadhilina Ismail menunjukkan buah serta sulur nanas MD2 yang ditanam di Ladang Nanas MD2 Bukit Tiu, UiTM Kampus Machang, semalam. – UTUSAN/ROSMIZAN RESDI.

UiTM usahakan projek tanaman nanas MD2

MACHANG: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan menjadikan projek tanaman nanas varieti MD2 di kawasan seluas 1.6 hektar di Bukit Tiu, di sini sebagai usaha memperkasakan sekuriti makanan negara.

Penyelaras Unit Agrobisnes UiTM Kelantan, Hadhifah Fadhilina Ismail berkata, selain itu projek tersebut turut dijadikan platform dalam mengembangkan lagi sektor agromakanan di negara ini.

Menurutnya, usaha itu turut mendapat sokongan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) yang memberikan sumbangan sulur benih varieti MD2 sebanyak 12,000 bagi menjaya-

kan projek ini.

“Alhamdulillah, projek yang bermula sejak April 2021 itu mula mendapat hasil pada Februari lepas. Kami akan menggu-

nakan peluang yang diberikan ini sebaik mungkin.

“Hal ini bagi membuktikan UiTM Machang mampu mencipta kejayaan meskipun tidak mem-

punyai pengkhususan dalam bidang perladangan,” katanya.

Hadhifah Fadhilina memberitahu, pihaknya yakin projek penanaman bukan sahaja memberi peluang kepada mahasiswa men-

jadi agropreneur muda malah menyediakan pekerjaan kepada penduduk sekitar Machang se-

cara kontrak di ladang nanas ini.

10/3/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

Permit kutipan siput retak seribu boleh dikeluarkan jika tiada bantahan

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@mediamulla.com.my

KANGAR: Jabatan Perikanan negeri boleh mengesyorkan pengeluaran lesen atau permit untuk menangkap siput retak seribu dengan syarat ia tidak mendapat bantahan mana-mana pihak.

Berdasarkan laporan kajian yang dilaksanakan sebelum ini, Jabatan Perikanan negeri sememangnya bersetuju untuk mengeluarkan lesen atau permit siput retak seribu secara terkawal agar sumber itu dapat dimanfaatkan dan dimikmati oleh nelayan setempat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, sesi libat urus di antara jabatan dan komuniti nelayan turut dijalankan sebelum ini namun masih terdapat bantahan daripada beberapa pihak yang menyebabkan

usaha ke arah pengeluaran lesen atau permit siput retak seribu itu tidak dapat dilaksanakan.

"Hasil keputusan mesyuarat berhubung pengeluaran permit atau lesen siput retak seribu yang dijalankan bersama Persatuan Nelayan Negeri Perlis (Pelaris) pada 24 Februari lalu dan mesyuarat bersama Lembaga Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Perlis pada 27 Februari lalu, mereka tidak bersetuju permit dikeluarkan supaya tidak menjejaskan ekosistem marin di perairan Perlis," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, hasil daripada kegiatan menangkap siput retak seribu oleh nelayan negeri ini di perairan Kuala Perlis di sini mampu mencecah sehingga 40 sehingga 50 tan metrik dengan nilai mencecah RM75,000 sehari atau RM2.25 juta dalam tempoh sebulan.

Jika setahun, nilai hasil tangkapan berkenaan dikatakan

boleh mencecah sehingga RM27 juta di sebalik aktiviti penangkapan siput tersebut diharapkan oleh Jabatan Perikanan.

Justeru, kira-kira 200 nelayan di negeri ini meminta agar Jabatan Perikanan 'menghailkan' aktiviti tersebut atau sekurang-kurangnya mengeluarkan permit kepada mereka bagi melakukan kegiatan berkenaan disebalik hasil laut seperti ikan, udang, ketam dan sebagainya yang semakin merosot.

Razali berkata, memandangkan taburan populasi siput retak seribu yang banyak di perairan negeri Perlis tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh nelayan setempat, maka faktor itu menyebabkan berlakunya pencerobohan oleh nelayan luar.

"Pencerobohan ini adalah daripada nelayan Kedah dan Thailand berikutan terdapat permintaan yang tinggi terhadap siput retak seribu ini," katanya.



SEORANG penduduk melakukan kerja-kerja mengasingkan siput retak seribu yang ditangkap oleh nelayan di Kuala Perlis, baru-baru ini.
- UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

10/8/2023

BERITA

NASIONAL

HARIAN

Sidang Dewan Rakyat

323 hektar tanah dibangun projek tanaman fertigasi

Iniisiatif tingkat
pendapatan
miskin tegar, B40
serta atasi
kebergantungan
import barangan

Oleh Suzalitra Halid dan Ahmad
Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tanah seluas kira-kira 323 hektar milik Kerajaan Persekutuan dikenal pasti untuk dilaksanakan projek tanaman fertigasi bagi membantu miskin tegar dan kumpulan B40 menerusi Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata tanah itu akan dibagikan melalui komponen Inisiatif Usahawan, Toni, (INTAN) bertujuan meningkatkan pendapatan miskin tegar dan B40 serta mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan bahan mentah.

Beliau berkata, selepas hampir dua minggu dilancarkan, IPR sudah merekodkan jumlah permohonan kira-kira 24,000 melalui tiga komponen diperkenalkan iaitu INTAN, Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

"Pada peringkat permulaan, tumpuan diberikan kepada tanaman strategik seperti cili dan jagung. Selain itu, sejumlah ki-



Peringkat permulaan inisiatif akan menumpukan projek tanaman fertigasi strategik seperti cili. (foto hasan)

ra-kira 800 ekar tanah Kerajaan Persekutuan dikenal pasti untuk dimanfaatkan bagi tujuan inisiatif ini.

"Sejak dilancarkan Kementerian Ekonomi menerima maklum balas dan sambutan menggalakan yang mana penyertaan bertambah dari sehari ke sehari," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri (Waktu di Dewan Rakyat, semalam).

Isiuterm estet padi

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan R Yuneswaran (PH-Selangor) yang meminta Menteri Ekonomi menyatakan bagaimana IPR dapat membantu isi rumah B40 dan miskin tegar menjana pendapatan. Sementara itu, Kementerian

Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) akan membangunkan estet padi berskala besar di Sabah dan Sarawak dalam usaha menjamin keselamatan negara, selain membawa golongan petani keluar daripada status miskin tegar.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata estet padi itu akan dilaksanakan menerusi FELCRA Berhad (FELCRA), dan sudah mendapat persetujuan dasar oleh kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.

Katanya, inisiatif ini menyasarkan FELCRA bakal membangunkan estet padi seluas 15,000 hingga 20,000 hektar dan dibu- ka tanpa menghilangkan hak

milikan tanah individu, kerajaan negeri atau perladangan yang menyertai skim berkenaan.

"Kita akan lakukan inisiatif seperti mana yang berjaya dilaksanakan di Pasir Salak menerusi estet padi Seberang Perak."

"Pembangunan estet padi berskala besar ini akan dilaksanakan di Kota Belud dan Kota Marudu, Sabah serta di kawasan Sri Aman, Sarawak."

"Saya minta jawatankuasa teknikal Kementerian dan kerajaan negeri digerakkan sepenuhnya mulai kelmartn bagi Sarawak dan semalam di Sabah bagi memberi input kepada Kementerian," katanya ketika mengulung perbahasan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

Nur Taufiq ambil langkah berani, tanam lebih 50 spesies anggur dari seluruh negara

Oleh HAZELN LIANA KAMARUDIN MACHANG

Seorang anak muda di Kampung Batu 31, di sini mengambil langkah berani membuka sebuah kebun anggur pertama di Kelantan yang menempatkan lebih 50 spesies dari seluruh negara.

Kebun anggur yang dikenali sebagai Po-land Grape Machang itu diusahakan oleh Nur Taufiq Yusuf, 33, yang merupakan seorang jurufoto.

Menurut Nur Taufiq, dia mula berjinak dengan tanaman tersebut pada September 2021 selepas terkesan dengan penularan Covid-19.

"Tanaman anggur di Kelantan bukanlah perkara baharu. Hal ini kerana ada dalam kalangan penduduk menjadikan ia sebagai hiasan dan jualan. Berbeza dengan saya apabila memilih untuk membuka kebun anggur pertama di negeri ini secara serius.

"Idea ini timbul selepas saya sukar untuk meraih rezeki kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pada waktu itu kamera memang di-simpan kemas," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Menurut bapa kepada dua cahaya mata itu, pada awalnya dia hanya menanam empat spesies anggur iaitu jupiter, black ozark, alfonso lavalie dan banana.


Ujar Nur Taufiq, melihat kepada hasil percubaan yang memuaskan itu, dia mula mencuba tanaman anggur daripada spesies lain pula.

Katanya, kini terdapat lebih 50 spesies yang ditanam antaranya ialah dickson, faith, vales dan banyak lagi.

Tambahnya, selain menjual buah anggur yang masak, anak pokok dan baja buatan sendiri turut dijual kepada orang ramai yang berminat.

"Setiap pokok dijual dengan harga

Jurufoto buka kebun anggur pertama di Kelantan



Iklim Khatulistiwa di Malaysia sangat bagus untuk tumbesaran anggur sekali gus menepis dakwaan mengatakan hanya iklim sejuk sesuai untuk tanaman tersebut.

sekitar RM80 hingga RM150 setiap satu. Spesies jupiter mendapat permintaan tinggi kerana mudah diuruskan, senang hidup serta buahnya yang manis.

"Saya juga membuka kebun ini untuk lawatan kepada orang ramai yang ingin melihat dengan lebih dekat pokok dan buah anggur. Selain itu, kelas tanaman turut diadakan kepada sesiapa yang berminat," ujarnya.

Mengulas mengenai tanaman itu, Nur Taufiq berkata, pada awal April depan anggur yang sedang berbuah lebat itu akan dapat dituai.

Ujarnya, iklim Khatulistiwa di Malaysia sangat bagus untuk tumbesaran anggur dan situasi itu menepis dakwaan mengatakan hanya iklim sejuk sesuai untuk tanaman tersebut.



Nur Taufiq dan abangnya, Nazlan (kanan) menunjukkan anak pokok anggur yang diusahakan.



Kebun Po-land Grape Machang yang menanam lebih 50 spesies anggur dari seluruh negara.



Nur Taufiq menunjukkan buah anggur yang akan dituai pada awal April depan.